

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 JANUARY 2017

Teori konspirasi Dr. Mahathir lucu – Salleh

UM - 26/1/2017

KUALA LUMPUR 25 Jan. - Tun Dr. Mahathir Mohamad disifatkan membuat teori konspirasi melucukan apabila menyatakan dokumen Agensi Perisikan Pusat (CIA) yang mendedahkan dokumen mengaitkan bekas Perdana Menteri itu dengan skandal kewangan Bumiputra Malaysia Finance Ltd. (BMF) adalah sengaja memburuk-burukkan beliau.

Dalam hal itu, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak mempersoalkan jika benar agensi perisikan Amerika Syarikat (AS) itu mempunyai tujuan tersebut, mengapa mereka perlu menunggu 34 tahun untuk melakukan sedemikian hanya kerana Dr. Mahathir pernah mengkritik negara kuasa besar itu.



SALLEH SAID KERUAK

“Mereka akan melakukannya semasa Dr. Mahathir masih Perdana Menteri dan bukan sekarang apabila beliau tidak lagi penting kepada AS.

“Sebenarnya laporan BMF itu hanya dua muka surat daripada 13 juta halaman yang didedahkan CIA secara kebetulan (apabila terdapat kaitan BMF),” katanya dalam blog beliau, *sskeruak.blogspot.my* hari ini.

Sebagai respons kepada pendedahan *The Asian Correspondent* mengenai dokumen rasmi itu dengan mengaitkan pentadbiran Dr. Mahathir sehingga menyebabkan kerugian kira-kira AS\$1 bilion, Dr. Mahathir menyifatkan laporan itu sengaja memburuk-burukkan beliau dengan mendakwa laporan lain yang menyiasat skandal itu menunjukkan beliau tidak terbabit.

Dr. Mahathir turut mempersoalkan mengapa terlalu lama isu tersebut dibangkitkan sete-

lah ia berlaku pada 1983 dan menuduh itu hanya bermotifkan politik.

Dalam pada itu Salleh berkata, CIA tidak membuat klasifikasi dengan hanya mendedahkan dua muka surat yang dikaitkan dengan isu BMF, malah banyak negara lain turut dinamakan dalam dokumen itu di bawah Akta Rahsia Rasmi.

“Ada antara dokumen itu dikelaskan selepas 25 atau 35 tahun atau lebih, bergantung kepada sensitiviti dokumen tersebut.

“Amat melucukan jika Dr. Mahathir menyatakan pendedahan dua muka surat yang dikaitkan dengannya itu semata-mata mahu memburukkan beliau sedangkan terdapat 13 juta halaman dokumen lain lagi,” katanya.